

5 pelabuhan terbabit dalam CMPA

Kuala Lumpur: Lima pelabuhan baru di Malaysia dan China kini sebahagian daripada Perikatan Pelabuhan China-Malaysia (CMPA).

Menteri Pengangkutan

Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pelabuhan itu ialah Pelabuhan Jing Tang dan Pelabuhan Tianjin (China) serta Pelabuhan Kemaman, Sabah dan Kuching (Malaysia) yang bertujuan meningkatkan kerjasama dalam

pelbagai bidang.

Beliau berkata, ia termasuk sebagai pelabuhan pendidikan, latihan dan perantisan, bantuan teknikal, pertukaran maklumat dan perkembangan trafik, serta penggalakan perkhidmatan perdagangan antara pelabuhan.


“China mempunyai pelabuhan terbaik di dunia dan kerjasama ini membuka laluan masa depan baik bagi kedua-dua negara dalam memanfaatkan sumber dan potensi rakyat,” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Tahunan CMPA kali kedua di

Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Katanya, pakatan itu bertujuan memudahkan perdagangan dengan pelabuhan di Malaysia dan China sebagai pintu masuk.

“Dalam usaha menghubungkan perniagaan Malaysia dan China, penggiat logistik perlu memperluaskan penerokaan ke kedua-dua negara,” katanya.

Liow berkata, pihak berkuasa Malaysia memperluaskan pelabuhan utama khususnya Pelabuhan Klang untuk memudahkan jumlah kapal yang dijangka meningkat.



**“Kerjasama ini membuka laluan masa depan baik bagi kedua-dua negara”
Liow**

5/9/2017 Metro